

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sektor kesihatan terima peruntukan kedua terbesar

RM3b daripada RM36.3b diguna untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak lebih 1,500 pegawai

Kuala Lumpur: Sejumlah RM36.3 bilion disediakan kerajaan untuk sektor kesihatan melalui Belanjawan 2023, jumlah peruntukan kedua terbesar selepas pendidikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sektor kesihatan juga merekodkan pertumbuhan peruntukan paling besar berbanding RM32.4 bilion yang diterima tahun lalu, dengan komponen utama melalui belanjawan kali ini membabitkan keperluan perolehan perubatan, reagen vaksin dan bahan guna habis.

Sejumlah RM3 bilion daripada peruntukan itu juga disediakan untuk tujuan lantikan baharu secara tetap dan kontrak lebih 1,500 pegawai perubatan pegawai pergigian dan pegawai farmasi yang menunggu sejak sekian lama.

Berkait isu kesesakan kemudahan kesihatan kerajaan, beberapa langkah akan diambil termasuk mengoptimumkan kapasiti kesihatan negara dengan menyumber luar pesakit daripada hospital sesak kepada hospital lain termasuk hospital universiti, hospital tentera dan hospital swasta.

Bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka, kerajaan



Kerajaan akan membina blok wanita dan kanak-kanak dengan kapasiti 476 katil dengan kos hampir RM700 juta bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka.



akan membina blok wanita dan kanak-kanak dengan kapasiti 476 katil dengan kos hampir RM700 juta.

Naik taraf 26 hospital

Kerajaan juga akan memulakan kerja awalan untuk menaik taraf 26 hospital termasuk pembesaran Hospital Kuala Kangsar di Perak, Jelebu di Negeri Sembilan dan juga Hospital Pontian di Johor yang

sudah berusia hampir seabad.

Kerajaan akan turut memperkenalkan Skim Perubatan Madani khusus untuk golongan miskin mendapatkan rawatan kesihatan di klinik dan pengamal perubatan am swasta seperti dilaksanakan kerajaan Selangor, yang mana RM120 juta disediakan untuk tujuan ini.

Pengecualian cukai pendapatan akan turut diberikan kepada hospital kebajikan yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan bersamaan dengan amaun perbelanjaan kebajikan, dengan penderma juga akan mendapat potongan cukai sehingga 10 peratus.

Berhubung Skim Peduli Kesihatan (PEKA B40) diperkenalkan kerajaan untuk menyediakan pemeriksaan atau saringan awal khas untuk golongan B40, kerajaan menyediakan RM80 juta bagi memperkasa skim ini dengan turut merangkumi saringan penyakit kencing manis.

Mulai tahun taksiran 2023, had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan akan dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM10,000.

Sebagai tambahan, skop pelepasan ini juga diluaskan meliputi kos pemulihan gangguan perkembangan saraf seperti autisme, sindrom down dan kesukaran pembelajaran spesifik terhadap kepada RM4,000.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Barangan mewah, vape bakal dikenakan cukai, duti eksais

PETALING JAYA - Kerajaan akan memperkenalkan cukai barangan mewah mulai tahun ini dengan had nilai tertentu mengikut jenis barang mewah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cukai tersebut termasuklah ke atas pembelian jam tangan mewah serta barangan fesyen mewah.


"Pengenalan cukai tersebut adalah sebagai langkah baharu meluaskan asas cukai kepada mereka yang punyai kemampuan.

"Pada masa sama, kerajaan juga akan mengkaji untuk memperkenalkan cukai keuntungan modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat mulai 2024 pada kadar yang rendah," katanya pada pembentangan Bajet 2023 di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Ujar beliau, bagi tujuan tersebut kerajaan akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkaitan untuk meneliti perincian cadangan itu.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan bercadang mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan *vape*.

Jelas Menteri Kewangan itu, walaupun *vape* bernikotin masih tidak sah di sisi undang-undang, hakikatnya ia telah dijual secara berleluasa dan dianggarkan me-



DUTI eksais cecair vape bernikotin akan diperuntuk semula kepada KKM untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan. - GAMBAR HIASAN

ngutip pulangan bernilai lebih RM2 bilion.

"Alangkah baik sekiranya ia dikawal selia dan dikenakan cukai supaya tidak menggalakkan penggunaan *vape*," jelasnya.

Kata Perdana Menteri, kerajaan juga menyokong ikhtiar Generational Endgame (GEG) dan bersetuju bahawa separuh daripada hasil duti eksais tersebut akan diperuntukkan semula kepada Kementerian Kesihatan (KKM) sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan ke-

sihatan.

Dalam pada itu, Anwar turut memaklumkan bahawa kerajaan belum bercadang melaksanakan cukai kepenggunaan berasas luas seperti *Goods and Services Tax* atau (GST).

"Dalam keadaan rakyat masih susah, inflasi makanan lebih lima peratus, kadar upah yang masih rendah, maka ternyata saat ini bukanlah ruang dan masa yang sesuai untuk memperkenalkan dan melaksanakannya," jelas beliau.

400 klinik, 380 sekolah daif dibaiki segera

PETALING JAYA - Kerajaan akan membaik pulih dengan segera kira-kira 400 klinik dan 380 buah sekolah daif di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan baik pulih tersebut melibatkan kira-kira RM1.2 bilion.

Jelas beliau, had sebut harga perolehan kerja pembaikan sekolah dan klinik daif ditingkatkan kepada RM1 juta berbanding RM500,000, manakala perolehan secara cabut undi kepada RM200,000 berbanding RM100,000.

"Tidak boleh diterima akal bahawa zaman sekarang rakyat masih terpaksa berdepan isu sekolah dan klinik daif. Saya tidak mahu perkara ini terus berlarutan.

"Kalau disebabkan projek lambat siap kerana mematuhi prosedur, apa guna jadi kerajaan kalau tidak memudah cara," katanya pada pembentangan Bajet 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Tegas Perdana Menteri, semua projek baik pulih tersebut perlu diselesaikan pada tahun ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA



SALAH sebuah bot ambulans untuk kegunaan penduduk di Pulau Redang dan Perhentian di Terengganu.

Dua bot ambulans baharu untuk penduduk Redang, Perhentian

KUALA NERUS – Kementerian Kesihatan (KKM) memberikan dua buah bot ambulans baharu bagi kegunaan kesihatan penduduk di dua pulau peranginan iaitu Pulau Redang, Kuala Nerus dan Pulau Perhentian, Besut.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, dua buah bot ambulans baharu terbabit merupakan penambahan kepada bot sedia ada yang sudah agak daif dan uzur.

Beliau berkata, sebelum ini, kedua-dua pulau peranginan tersebut masih memiliki sebuah bot ambulans yang semakin uzur dan juga bersaiz kecil.

"Sering kali ia tidak mampu

membawa pesakit dari pulau terbabit untuk mendapatkan rawatan penyakit kronik dan kritikal ke hospital di tanah besar ekoran gelombang besar terutamanya pada musim tengkujuh.

"KKM terpaksa meminta bantuan agensi lain seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Maritim Malaysia (APMM) untuk melakukan pelayaran ihsan bagi tujuan itu," katanya di limbungan pelepasan di Seberang Takir, di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyerahkan dua bot ambulans itu masing-masing kepada wakil Klinik Kesihatan Kuala Nerus dan Klinik Kesihatan Besut.

Dr. Kasemani berkata, bot am-

bulans baharu berkenaan yang berkapasiti 10 penumpang boleh digunakan walaupun pada keadaan ombak sederhana semasa Monsun Timur Laut.

Jelas beliau, ia sekali gus melancarkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada kira-kira 5,000 penduduk kedua-dua pulau peranginan terbabit.

"Klinik kesihatan yang terdapat di Pulau Redang dan Pulau Perhentian hanya mampu merawat kes-kes ringan seperti demam, selesema dan cirit-birit.

"Bagi penyakit lain terutama kritikal seperti serangan jantung, strok dan sawan pula dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah dan Hospital Besut," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Rokok elektronik, vape bakal dikenakan duti eksais

SHAH ALAM - Kerajaan bercadang mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, pelaksanaan duti tersebut adalah langkah untuk tidak menggalakkan penggunaan rokok elektronik itu.

"Walaupun vape bernikotin masih tidak sah di sisi undang-undang, hakikatnya ia telah dijual secara berleluasa dan dianggarkan bernilai lebih RM2 bilion.

"Alangkah baik sekiranya ia dikawal selia dan dikenakan cukai supaya tidak menggalakkan penggunaan vape," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada Jumaat.

Tegas Anwar, kerajaan juga menyokong Dasar Generasi Penamat (GEG) dan bersetuju bahawa separuh daripada hasil duti eksais berkenaan akan diperuntukkan semula kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

Dalam pada itu, bagi mengurangkan ketirisan, beliau berkata, usaha penguatkuasaan agensi kerajaan akan terus dipergiat bersama pihak industri.

Tegasnya, ia bagi mengekang ketirisan hasil dan subsidi angkara sindiket penyeludupan seperti diesel, arak serta rokok.

Beliau turut memaklumkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan melaksanakan semula program pengakuan secara sukarela yang memberi pengampunan ke atas penalti 100 peratus.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kementerian Kesihatan terima peruntukan RM36.3 bilion

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023 iaitu sebanyak RM36.3 bilion berbanding RM32.4 bilion pada tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan tersebut akan melibatkan perolehan ubat-ubatan, reagent, vaksin dan bahan guna habis.

Menurut beliau, ia juga termasuk RM3 bilion bagi lantikan baharu secara tetap dan kontrak lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai peragaan dan pegawai farmasi.

"Berkait isu kesesakan kemudahan kesihatan kerajaan, beberapa langkah akan diambil iaitu kapasiti kesihatan negara akan dioptimum dengan menyumber luar pesakit daripada hospital yang sesak kepada hospital lain termasuk hospital universiti, hospital tentera serta kepada hospital swasta.

"Kerajaan akan memperkenalkan Skim Perubatan Madani khusus untuk golongan miskin mendapatkan rawatan kesihatan di klinik dan pengamal pe-

rubatan am swasta (GP) seperti yang dilaksanakan Kerajaan Selangor. Sebanyak RM120 juta disediakan untuk tujuan ini," katanya ketika membentang Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Tambahnya, kerajaan juga bercadang mewujudkan hospital kebajikan yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan amaun perbelanjaan kebajikan dan para penderma juga akan mendapat potongan cukai sehingga 10 peratus.

"Bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka, kerajaan akan membina blok wanita dan kanak-kanak dengan kapasiti 476 katil dengan kos hampir RM700 juta.

"Kerajaan juga akan memulakan kerja awalan untuk menaik taraf sebanyak 26 buah hospital termasuk pembesaran Hospital Kuala Kangsar, Perak; Jelebu, Negeri Sembilan dan Hospital Pontian, Johor yang telah berusia hampir seabad," katanya.

Dalam pada itu Anwar

berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak.

Menurutnya, kerajaan juga akan menyediakan RM8 juta bagi memperkukuh peranan Pusat Sokongan Sosial Setempat sebagai tempat intervensi awal isu kesihatan mental dan keganasan rumah tangga.

Dalam pada itu, Anwar mengumumkan Jabatan Bantuan Guaman akan menaikkan had kelayakan mendapatkan bantuan guaman penuh daripada RM30,000 kepada RM50,000.

"Fungsi Jabatan Bantuan Guaman juga akan diperluas 38 meliputi kes-kes sivil dan syariah. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan meneliti ikhtiar untuk menggubal Akta yang khusus bagi menawarkan bantuan guaman percuma bagi kes jenayah supaya rakyat susah turut mendapat akses kepada keadilan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Vape dikenakan duti eksais

KUALA LUMPUR: Kerajaan ber-cadang mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik serta vape.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu perlu dilakukan bagi mengurangkan penggunaan vape.

“Walaupun vape bernikotin masih tidak sah di sisi undang-undang, hakikatnya telah dijual secara berleluasa dan dianggarkan bernilai lebih RM2 bilion. Alangkah baik sekiranya ia dikawal selia dan dikenakan cukai supaya tidak menggalakkan penggunaan vape.

“Kerajaan menyokong inisiatif Generational Endgame (GEG) dan bersetuju bahawa separuh daripada hasil duti eksais ini akan



DUTI eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin perlu dikenakan bagi mengurangkan penggunaan vape.

diperuntukkan semula kepada Kementerian Kesihatan sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan terma-

suk kempen antirokok dan anti-arak yang berkesan,” katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, bagi mengurangkan ketirisan, usaha penguatkuasaan agensi kerajaan terus dipergiat bersama-sama pihak industri bagi mengekang ketirisan hasil dan subsidi angkara sindiket penyeludupan seperti diesel, arak serta rokok.

“Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan melaksanakan semula program pengakuan secara sukarela.

“Melalui program ini, pengampunan ke atas penalti 100 peratus akan diberikan bagi mereka yang membuat pengakuan sukarela dan membayar cukai mulai 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS / NATION

Industry players cheer vape tax, CAP frustrated

KUALA LUMPUR: The government plans to impose an excise duty on nicotine-based liquids and gels used in electronic cigarettes and vapes, said Prime Minister and Finance Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Vape with nicotine is still illegal, but has been sold widely with estimated sales of over RM2 billion. It would be good if it is regulated and taxed, so it reduces the use of vaping.

"The government supports the Generational Endgame (GEG) effort and agrees that half of these excise duties will be reallocated to the Health Ministry as efforts to improve health services," he said when tabling the revised 2023 Budget.

Industry players extended a warm reception towards Anwar's announcement.

Malaysian Retail Electronic

Cigarette Association (MRECA) president Datuk Adzwan Ab Manas said though industry players might face an initial decline in sales once the taxation is in force, he said that would only be temporary.

"Once it has been recognised and regulated, then it can be officially promoted as a harm reduction and safer product compared with cigarettes.

"With this, we believe the smokers would slowly transition to vape products, which have been regulated by the government."

He said he also hoped that the government would reinvest the taxes collected from the sales of vape products to set up clinical test centres to regulate locally produced flavours.

On the other hand, Malaysian Organisation of Vape Entity (Move) president Samsul Kamal



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim says the government will channel half of the excise duties from vape products to improve healthcare services. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

Ariffin said it would be wise if the government could impose a much lower tax.

He said that the structure of taxation for vape and e-cigarette products should not be the same as for cigarettes.

He said that the model in the United Kingdom (UK) should be used by the government, where vape products were offered as alternative ways to quit smoking.

"We are alright with the tax-

ation, but now we also hope the government would take out vape products under the GEG bill.

"Since it is being regulated, why not let the Health Ministry do its own research first and maybe it can be recognised as a method to quit smoking, as done in the UK," he added.

Consumers Association of Penang education officer N.V. Subbarow, however, was not happy with the announcement.

He said that the association was hoping for a total ban on the products, but instead, the government was taking steps to regulate them.

He was also frustrated that the government did not increase tax for cigarettes.

"The government should have increased the tobacco tax. These companies should be held responsible for the harm their products do," he added.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NATION

'RM36.3bil is not enough'

Amount still falls below WHO's yardstick, say health experts



PETALING JAYA: While the Health Ministry received the second highest allocation under the unity government's maiden budget with RM36.3bil, health experts say the allocation falls short of being enough to address the various needs of the healthcare sector.

The ministry received RM200mil – more than the RM36.1bil allocated under the spending plan tabled by the last government in October.

It also received the highest jump in allocation compared to Budget 2022, where it received RM32.4bil.

Public health advocate and former Health Ministry official Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said while the increased allocation was laudable, it was still below the World Health Organisation's yardstick of 5% of the gross domestic product.

Welcoming the RM3bil allocation for the hiring of 1,500 medical officers, dentists and pharmacists for permanent and contract positions, he said this would help address problems at understaffed healthcare facilities.

"But there is still a long way to go for more significant changes. Hopefully, we can see more long-term plans in the Health White Paper," Dr Zainal said of the strategy paper, which is slated to be tabled in the Dewan Rakyat soon.

"The most significant extra initiative is the Madani Health Scheme. This will help the B40 group get faster treatment from nearer facilities and support local general practitioners (GPs)."

The Hartal Doktor Kontrak group said the RM3bil allocation for hiring



Towards the future: Health experts welcome the increased allocation but say there is still a long way to go. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

did not specify how many of the 1,500 doctors, pharmacists and dentists would be permanent and how many would be contract workers.

"A more transparent announcement is needed," a spokesperson said, adding that the measures to decongest hospitals were welcomed.

"Hopefully it can be done quickly and we can see results soon as healthcare facilities and healthcare workers are extremely stretched and on the brink of collapse."

In tabling Budget 2023, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim also announced measures to address congestion at government hospitals such as optimising public health capacity by outsourcing patients from congested hospitals to university, army and private hospitals.

A total of RM120mil will be allocated for the Madani Health Scheme for the poor to receive treatment at GP clinics. Another RM700mil will be allocated for the construction of a women and children's wing at Hospital Melaka, while hospitals

pitals' emergency departments, wards and at home for treatment.

"We hope the speed of implementation is immediate as this proposed budget is for the current year and all government agencies should not delay their processes as many of our citizens are suffering with multiple ailments," he added.

He said private hospitals were happy to assist the public healthcare and would help negotiate reasonable reimbursements to make the outsourcing process sustainable throughout the year.

"The Prime Minister has specifically mentioned outsourcing to university, military and private hospitals with the allotted amount. The private hospitals successfully managed many outsourced patients care during the Covid-19 pandemic.

"However, this will be based on the private healthcare current capacity which seems to be overstretched too," Dr Kuljit said.

Universiti Kebangsaan Malaysia health economy and public health specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said it was good that aspects such as upgrading public healthcare facilities and human resources were given attention.

"The new appointments for doctors are an excellent drive to retain skilled staff and future experts in the country. We must think of how to sustain them in the country and prevent brain drain through better remunerations, work standard and opportunity to gain higher income.

"The procurement of medicine and vaccines are welcomed as without government subsidy, most B40 and M40 would not be able to have access to drugs, especially the non-formulary medications (patients have to purchase/co-pay) and oncology drugs for cancer," she added.

that are 100 years old will be upgraded and refurbished.

The health scheme for the lower income, Peka B40, will be further strengthened with an allocation of RM80mil. The scheme will now include diabetes screening.

Anwar also said the threshold for tax relief for medical expenses will be increased from RM8,000 to RM10,000, while a relief of up to RM4,000 will be given for treatment of autism, Down syndrome and other specific learning disabilities.

He said welfare hospitals registered as a company limited by guarantee would be given income tax exemptions equal to the amount spent on welfare.

Echoing Dr Zainal, Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh said the increased budget was encouraging despite not reaching the 5% allocation requested.

"The most important part is the implementation, as many patients are currently waiting in public hos-